

UNIT 1: KELAB MUZIKAL

TAJUK: ALATAN MUZIK-KOMPANG

1) Baca nota di bawah, kemudian jawab soalan.

Kompang

Kompang ialah sejenis alat muzik tradisional yang sering dimainkan di majlis-majlis keraian seperti majlis perkahwinan, majlis berkhatah dan majlis perasmian. Bahagian kompang terdiri daripada dua, iaitu baluh dan belulang.

1 **Baluh**

Bahagian badan kompang yang diperbuat daripada kayu.



2 **Belulang** Bahagian muka kompang yang diperbuat daripada kulit kambing.

Gambar di bawah menunjukkan cara memegang kompang dengan betul.



INFO Muzik



Sedak

Rotan yang diletakkan antara belulang dan baluh untuk menegangkan permukaan kompang bagi menghasilkan ton yang lebih baik.

Bunyi 'bum' dan 'pak' terhasil daripada dua cara paluan kompang yang berbeza.



Jari dirapatkan dan dipalu pada bahagian tepi belulang.



Jari dijarak atau dikembangkan dengan memalu bahagian tengah belulang.

1) Apakah maksud kompang? Pilih jawapan yang betul untuk maksud kompang

2) Tuliskan nama 2 bahagian kompang di bawah dengan nama yang betul



